

**Pelaburan RM6 Bilion Pulihkan MAS Bukan Langkah Menyelamat - Najib
Bernama
August 29, 2014**

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata RM6 bilion yang akan disuntik ke dalam Malaysia Airlines (MAS) bukan langkah menyelamat tetapi pelaburan oleh Khazanah Nasional Bhd kerana ia mesti diperolehi kembali.

Beliau berkata pemulihan penuh syarikat penerbangan negara itu mungkin mengambil masa lebih lama daripada tiga tahun tetapi diharapkan pemulihan positif akan dapat dilihat dalam tempoh tiga tahun.

"Khazanah berhasrat untuk mendapatkan balik setiap sen daripada RM6 bilion. Ini adalah pelaburan oleh Khazanah. Ia bukan menyelamat.

"Langkah menyelamat jika kita menggunakan wang awam untuk membeli daripada orang lain. Dalam hal ini, wang disuntik untuk menjadikan MAS sebuah organisasi yang berdaya maju.

"Pemulihan sepenuhnya mungkin mengambil masa lebih lama daripada tiga tahun, tetapi Insya-Allah dalam tiga tahun, kita akan menyaksikan hasil pemulihan yang positif," kata Najib kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu negara, Jumaat.

Khazanah melancarkan pelan 12 perkara Jumaat untuk membolehkan MAS mencapai keuntungan berterusan dalam tiga tahun dinyah senaraikan, pada akhir 2017, yang termasuk pengurangan tenaga kerja sebanyak 6,000.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MAS sekarang, Ahmad Jauhari Yahya akan terus menerajui syarikat itu dalam tempoh peralihan selama 10 bulan akan datang hingga 1 Julai 2015.

Najib berkata CEO baharu akan merupakan seseorang yang mempunyai rekod prestasi yang baik.

"Ia mungkin rakyat tempatan atau asing. Tetapi jika warga asing, (hanya) untuk tempoh sementara, tetapi rakyat tempatan akan ditetapkan untuk mengambil alih," kata Perdana Menteri.

Najib berkata tiga prinsip telah digariskan dalam penyusunan semula MAS termasuk MAS terus wujud sebagai "syarikat penerbangan nasional" yang boleh dibanggakan dan menjadi syarikat penerbangan yang berasaskan "daya maju daripada segi komersial".

"Umpamanya kalau kerajaan nak MAS terbang ke satu destinasi daripada segi pembangunan, kerajaan perlu beri subsidi. Segala keputusan yang dibuat oleh MAS

mestilah berdasarkan pertimbangan komersial.

"Ketiga kita hendak apa juga langkah penyusunan semula dibuat secara 'humane' (berperikemanusiaan) dan 'compassionate' (belas kasihan). Misalnya kita boleh sediakan pekerjaan alternatif untuk mereka (kakitangan)," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1064652>